

SOALAN LAZIM MILO® CHAMPIONS CLINIC

1. Siapa yang boleh memohon?
Klinik / Sesi latihan atas talian ini terbuka untuk semua rakyat Malaysia yang berumur 7- 12 tahun. Modul ini direka untuk kanak-kanak yang tidak mempunyai pengalaman untuk mempelajari asas- asas sukan. Ia untuk peringkat permulaan dengan konsep "Sentuhan Pertama" / "First touch".
2. Berapa yuran pendaftaran?
RM35 untuk 2 sesi pengenalan.
3. Adakah saya perlu membeli peralatan sukan seperti raket badminton, futsal / bola lain-lain?
Tiada peralatan akan disediakan. Anda harus sediakan peralatan berdasarkan sukan yang dipilih seperti raket badminton, bulu tangkis, kasut futsal dan lain-lain. Jika anda tidak pasti atas peralatan yang diperlukan, sila hubungi Jurulatih untuk info lanjut.
4. Apakah pakaian yang sesuai untuk mengikuti modul Champions Clinic?
Dinasihatkan untuk memakai seluar sukan dan kasut yang sesuai.
5. Bagaimana saya boleh mendaftar anak-anak saya?
Sila log masuk ke www.milo.com.my untuk mendaftar dan mendapatkan jadual latihan daripada jurulatih.
6. Di manakah tempat untuk klinik / sesi latihan diadakan?
Klinik/sesi latihan akan diadakan di pusat latihan yang tertentu semasa pendaftaran. Sila rujukkan slip pengesahan pendaftaran untuk alamat penuh pusat latihan.
7. Apakah kaedah pembayaran untuk mendaftar MILO® Champions Clinic?
Semua pembayaran hanya boleh dilakukan melalui pembayaran atas talian.
8. Bolehkah saya mendaftarkan anak-anak saya untuk sukan yang berbeza pada masa yang sama?
Ya, boleh selagi jadual waktu tidak bertembung antara satu sama lain. Kami sangat menggalakkan anak-anak anda untuk menyertai pelbagai jenis sukan pada usia muda, tanpa mengira jantina. Semua klinik di bawah MILO® Champions Clinic terbuka untuk kanak-kanak lelaki dan perempuan.
9. Adakah anak-anak saya akan cedera semasa sesi latihan kerana jurulatih tidak ada di sana untuk mengawasinya?
Tidak akan ada jaminan bahawa anak-anak tidak akan cedera, namun modul telah dirancang agar sesuai untuk peringkat permulaan dengan menumpukan kepada bahagian otot kecil, oleh itu kesannya cukup rendah. Ibu bapa dinasihatkan untuk sentiasa mengawasi keseluruhan sesi latihan atas talian untuk tujuan keselamatan. Modul tidak memerlukan ruang yang besar di dalam rumah; ia ringkas, secara langsung serta mudah diikuti di hadapan skrin.